



**PROGRAM PERUBATAN / BAHAGIAN AMALAN
PERUBATAN / MAJLIS OPTIK MALAYSIA**

GARIS PANDUAN

**PELAKSANAAN PENILAIAN SEMAKAN PERUBAHAN
KURIKULUM PROGRAM OPTOMETRI/OPTICIANRI DI
PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)**

TARIKH KUAT KUASA GARIS PANDUAN

1 JANUARI 2025

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENILAIAN SEMAKAN PERUBAHAN KURIKULUM PROGRAM OPTOMETRI/OPTICIANRI

1.0 PENGENALAN :

Semakan kurikulum adalah satu proses penambahbaikan sesuatu program akademik yang mesti dijalankan secara berkala dan sistematik bagi memastikan keberkesanan, kualiti dan kelestarian program akademik. Ciri-ciri program akademik yang baik adalah merujuk kepada kurikulum yang fleksibel, dinamik dan relevan. Kurikulum sebegini dapat menghasilkan graduan untuk menghadapi pasaran kerja masa hadapan yang mencabar. Untuk memastikan kualiti dan kemampunan program akademik, kurikulumnya mestilah dinamik, relevan, memenuhi keperluan semasa industri dan bersifat tersedia masa hadapan. Justeru, program akademik mestilah disemak secara berkala dan sistematik bagi memastikan kurikulum yang ditawarkan oleh sesebuah pemberi pendidikan tinggi (PPT) adalah berkesan dan berkualiti.

2.0 OBJEKTIF :

1. Sebagai panduan kepada PPT untuk menghantar permohonan penilaian semakan perubahan kurikulum program optometri/opticianri
2. Sebagai panduan kepada ahli panel penilai (APP) dalam penilaian semakan perubahan kurikulum program optometri/opticianri di sesebuah PPT

3.0 FI PENILAIAN :

Fi penilaian adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

4.0 PROSES & PROSEDUR PELAKSANAAN PENILAIAN SEMAKAN PERUBAHAN KURIKULUM :

Proses pelaksanaan penilaian semakan perubahan kurikulum program optometri/opticianri adalah sepertimana berikut ;

Bil.	Perkara	Tindakan
1.	Semakan kurikulum program optometri/opticianri dilaksanakan berdasarkan keperluan yang ditetapkan oleh MQA dan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) serta Majlis Optik Malaysia (MOC) – sila rujuk dasar perubahan kurikulum MQA/JPT	PPT
2.	Kenalpasti perubahan kurikulum yang diluluskan melebihi 30% daripada keseluruhan kurikulum – rujuk kalkulator kurikulum PPT	PPT
3.	Dokumen permohonan semakan perubahan kurikulum dihantar kepada MQA untuk kelulusan – Borang M dan dokumen kurikulum	PPT
4.	Permohonan PPT dimajukan kepada MOC	MQA
5.	Pemakluman kepada MQA untuk lantikan APP bagi penilaian dokumen semakan perubahan kurikulum PPT – penilaian dijalankan oleh seorang (1) APP sahaja	Sekretariat MOC

6.	Penyediaan laporan oleh APP – dalam tempoh masa dua (2) minggu dari tarikh penerimaan dokumen – menggunakan borang M	APP
7.	Pembentangan laporan kepada JTC	APP
8.	JTC membuat keputusan terhadap perubahan kurikulum PPT	JTC
9.	Keputusan JTC dihantar kepada MQA untuk pengesahan keputusan	Sekretariat MOC
10.	Pemakluman keputusan penilaian kepada pihak PPT	MQA

4.0 CARTA ALIR PELAKSANAAN PENILAIAN SEMAKAN PERUBAHAN KURIKULUM :

